

Headline	Kuasai BI melalui filem		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	A1	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	391 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,728
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,184



GURU dan murid SMK Cherang Ruku berasa bangga apabila filem pendek mereka disenarai lima terbaik dalam Festival Filem Dunia Islam (IWFF) di UIAM, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kuasai BI melalui filem

KEUPAYAAN sekolah luar bandar, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Cherang Ruku menempatkan filem pendeknya dalam bahasa Inggeris bertajuk 'Silent Pain' pada kedudukan lima teratas dalam Festival Filem Dunia Islam (IWFF) anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) adalah sesuatu yang membanggakan.

Menurut guru pembimbing dan juga guru Bahasa Inggeris sekolah itu, **Mohammad Faiz Yaakob**, biarpun tidak memenangi sebarang hadiah dalam pertandingan itu namun hanya SMK Cherang Ruku, satu-satunya sekolah menengah yang diwakili murid tingkatan satu dan dua mencabar penyertaan pelajar daripada 29 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta dari seluruh negara.

"Satu daripada 12 penyertaan sekolah ini berjaya disenarai pendek sebagai lima filem pendek terbaik dalam pertandingan itu," katanya ketika ditemui dalam majlis penyampaian IWFF oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin di UIAM baru-baru ini.

Filem pendek karya murid dari sekolah di perkampungan nelayan dekat Pasir Putih, Kelantan itu berjaya menarik perhatian juri untuk bersaing merebut tempat pertama dengan Aswara, UIAM, Universiti Teknikal Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Festival Filem Dunia Islam yang bertaraf antarabangsa itu menayangkan filem-filem dalam empat kategori iaitu filem pendek, cereka, dokumentari dan animasi yang disertai 13 IPTA.

Headline	Kuasai BI melalui filem		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	A1	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	391 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,728
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,184

Mohammad Faiz memberitahu, pihaknya sudah menghantar murid ke pertandingan yang sama beberapa kali sebelum ini dan dalam penyertaan pertama di Jepun tahun lalu, SMK Cherang Ruku berjaya meraih tempat kedua keseluruhan dan mendapat pengiktirafan Kementerian Kehakiman Jepun.

"Dalam pertandingan itu, kita hasilkan filem bisu atau *silent movie* yang banyak menggunakan konsep bahasa badan bagi memudahkan pemahaman dan penerimaan penonton di sana," ujarnya.

Selain itu kata Mohammad Faiz, murid juga kelihatan tidak gentar atau kurang keyakinan apabila dimaklumkan bahawa mereka akan bersaing dengan penuntut IPT walaupun perlu menghasilkan filem dalam bahasa Inggeris.

"Reaksi murid-murid ini amat berubah jika dibandingkan dengan penerimaan mereka terhadap usaha memperkasakan komunikasi dalam bahasa Inggeris," katanya.

Walau bagaimanapun, ujarnya, keadaan tersebut sudah menjadi sejarah lama buat warga SMK Cherang .Ruku kerana murid sudah membuktikan keupayaan mereka untuk bersaing di peringkat lebih tinggi, setanding dengan sekolah lebih moden di pusat bandar.

Sementara itu, seorang murid tingkatan dua SMK Cherang Ruku, **Muhd. Abdul Syukur Marzuki** berkata, dia kini lebih yakin untuk bertutur dalam bahasa Inggeris apabila berhadapan dengan masyarakat khususnya dari luar kawasan Cherang Ruku.

Dia yang menghasilkan filem pendek bertajuk '*Dear Sir*' berkata, tidak sukar untuk menguasai bahasa Inggeris sekiranya setiap murid berusaha bersungguh-sungguh dan menjadikannya sebagai bahasa alternatif dalam komunikasi harian.

MAKLUMAN

Penerbitan ADaP PMR dan SPM ini adalah edisi terakhir untuk tahun 2013. Edisi terbaharu akan diterbitkan mulai Januari 2014. Sebarang perkembangan terkini boleh dirujuk di laman www.adap.com.my atau melalui www.facebook.com/adaponline.